



**PERBADANAN KEMAJUAN PERUMAHAN NEGERI JOHOR
ARAS 1 & 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK
KOTA ISKANDAR 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor seperti maklumat berikut :-

1.	SKIM PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
	GRED / JADUAL GAJI	:	N19

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

KEKOSONGAN : **3 KEKOSONGAN**

- 1.1. SYARAT LANTIKAN WAJIB** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 1.2. SYARAT LANTIKAN**
- a) i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00); atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40); atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)
- 1.3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 1.4. SYARAT TAMBAHAN**
- a. Mahir dalam penggunaan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok, serta pengurusan media sosial.
 - b. Mahir menggunakan perisian penyuntingan video seperti Adobe Premiere Pro, CapCut, atau perisian yang setaraf.
- 1.5. SENARAI BIDANG BERKAITAN DI PERINGKAT SKM** Sila rujuk senarai bidang berkaitan di peringkat SKM yang diperakukan bersesuaian mengikut skim perkhidmatan di Laman Web EZSkim (pautan: <https://www.interactive.jpa.gov.my/ezskim/>).

1.6. MAKLUMAT TAMBAHAN	Pemohon dengan kelayakan SKM hendaklah mendaftarkan kelayakan tersebut di dalam Sistem SPA9 melalui menu "Maklumat Pemohon" -> "Maklumat Kelayakan Akademik" -> "SKM".
-------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas penyuntingan dan penghasilan video yang berkualiti tinggi untuk digunakan dalam program penyiaran, promosi, latihan, dan lain-lain kegunaan rasmi PKPJ. Tugas ini termasuk penyediaan bahan visual dan audio yang selaras dengan objektif PKPJ serta memastikan hasil akhir memenuhi piawaian yang telah ditetapkan.

KAEDAH PERMOHONAN

- a) Permohonan jawatan adalah secara "online" dan pemohon boleh memohon di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my/>
- b) Pemohon dikehendaki mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen sokongan semasa memohon jawatan. Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.

TARIKH PERMOHONAN

11 SEPTEMBER 2024 HINGGA 24 SEPTEMBER 2024

CATATAN

- a) Hanya calon-calon yang layak setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap sebagai **TIDAK BERJAYA**.
- c) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.